



15 AUG, 2024

Wanita isytihar 15 kilogram ganja sebagai sarang burung

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Wanita isytihar 15 kilogram ganja sebagai sarang burung

SEPANG: Taktik seorang wanita warga tempatan yang mengisytihar membawa produk sarang burung gagal apabila dia ditahan kerana disyaki cuba menyeludup dadah.

Penolong Ketua Pengarah Zon Tengah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Norlela Ismail berkata, wanita berusia 39 tahun itu ditahan pegawai kastam cawangan pemeriksaan penumpang di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pukul 2.15 pagi pada 4 Ogos lalu.

“Wanita tersebut menaiki sebuah pesawat syarikat penerbangan tempatan dari Bangkok, Thailand dan transit menuju ke destinasi di Eropah.

“Suspek ditahan susulan hasil pengimbasan ke atas bagasi dibawahanya itu apabila didapati ada barangan larangan disyaki

dadah berbahaya yang melibatkan 27 bungkusan lutsinar,” katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Norlela menambah, semasa pemeriksaan rapi dilakukan kemudian, suspek memberitahu pegawai JKDM bertugas bahawa dia hanya ditugaskan untuk membawa sarang burung.

Modus operandi wanita berkenaan ialah dengan menyembunyikan dadah tersebut dalam bagasi jenis aluminium dan diikrar sebagai sarang burung untuk mengaburi pihak berkuasa.

Ujian awal terhadap bahan berkenaan kata beliau mendapati ia adalah dadah jenis ganja dengan berat kasar ialah 15.3017 kilogram dan anggaran nilai mencecah RM55,530.

Katanya, kes berkenaan masih disiasat di bawah Seksyen 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



NORLELA Ismail menunjukkan barangan rampasan dadah selepas sidang akhbar di Bangunan Pentadbiran AMC, KLIA. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR



15 AUG, 2024

Wanita isytihar 15 kilogram ganja sebagai sarang burung

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

SEPANG: Taktik seorang wanita warga tempatan yang mengisytihar membawa produk sarang burung gagal apabila dia ditahan kerana disyaki cuba menyeludup dadah. Penolong Ketua Pengarah Zon Tengah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Norlela Ismail berkata, wanita berusia 39 tahun itu ditahan pegawai kastam cawangan pemeriksaan penumpang di Terminal I Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pukul 2.15 pagi pada 4 Ogos lalu.